

**ISLAMISASI ILMU: KONSEP DAN PELAKSANAANNYA DALAM PENGAJARAN
BAHASA ARAB DAN USUL FEKAH**

Wazzainab Ismail¹, Farah Nur-Rashida Binti Rosnan²

wazzainab@kuis.edu.my¹

farahnurrashida@kuis.edu.my²

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Di antara konsep Islamisasi Ilmu ialah dengan menyepadu ilmu wahyu dan ilmu akal. Konsep ini seharusnya dilihat dengan lebih luas dan kritis. Ini kerana ilmu wahyu juga sebenarnya perlu disemai dan disepadukan dengan sebaiknya. Kekurangan ini berlaku bukanlah kerana kecatatan pada ilmu tersebut tetapi kerana kelompongan ilmi sebahagian ahli akademik. Kajian ialah kajian kualitatif yang akan mengupas tentang keperluan Islamisasi Ilmu dalam pengajaran ilmu wahyu yang dimaksudkan di dalam kertas ini ialah bahasa Arab dan Usul Fekah. Bahasa Arab adalah bahasa dalil utama hukum Syara' iaitu al-Quran dan Hadis. Manakala ilmu Usul Fekah ialah ilmu yang mengkaji kaedah dalam mengeluarkan hukum Syara'. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa Islamisasi ilmu bukan sahaja terhad kepada konsep menyepadukan ilmu tetapi ianya satu jihad menzahirkan ilmu secara hakikat yang akhirnya membawa manfaat kepada penuntut dan pengajar ilmu tersebut. Selain itu perkara yang penting pada masa kini bukannya isu perdebatan tentang definisi atau konsep Islamisasi Ilmu. Namun perkara utama yang perlu dipandang serius ialah usaha yang berterusan dalam pendidikan di semua peringkat agar ilmu itu disampaikan dan diberi ruh adab iaitu meletakkan ilmu itu di kedudukannya yang sepatutnya.

Kata Kunci: Islamisasi ilmu; bahasa Arab; Usul Fekah; hakikat ilmu; adab.

1.0 PENDAHULUAN

Mengikut Kamus Dewan edisi keempat, islamisasi adalah usaha (proses dan sebagainya) menjadikan patuh kepada, sejajar dengan, atau sesuai dengan ajaran ciri-ciri dan sebagainya) agama Islam, perihal mengislamkan, pengislaman: tujuannya ialah untuk membendung penerapan budaya barat bagi memastikan proses berjalan lancar contohnya undang-undang di Malaysia.

Proses Islamisasi atau Islamiyat al-Ma'rifat atau *Islamization of Knowledge* telah menjadi agenda perdebatan di kalangan intelektual Islam sejak tahun 1970-an. Gagasan ini dilihat sebagai satu manifestasi untuk menentang pemodenan barat yang menyokong fahaman sekularisme dan dualisme. Masalah yang dihadapi oleh ummah di seluruh dunia pada hari ini dikatakan berpunca daripada pendidikan yang sifatnya sendiri dipenuhi dengan pelbagai cabaran dan masalah.

Menurut Maria Binti Mansur (2012), Islamisasi dikatakan sudah wujud sejak zaman Rasullullah saw apabila turunnya Quran dalam bahasa Arab. Al-Quran telah membawa perubahan besar dalam kehidupan masyarakat Arab pada masa itu tentang alam semesta dan kehidupan dunia. Islamisasi dalam erti kata sebenar bukanlah sesuatu yang baru. Namun dalam konteks perbincangan hari ini, Islamisasi Ilmu dicetuskan kembali secara komprehensif oleh tokoh-tokoh sarjana Islam seperti Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1931), Fazlur Rahman Malik (1919-1988) dan al-Faruqi (1921-1986). Kelantangan suara-suara mereka adalah reaksi terhadap kemunduran umat Islam pada hari ini yang berpunca daripada kecelaruan dalam sistem pendidikan.

Dalam Persidangan Pendidikan Islam di Mekah Arab Saudi pada 31 Mac-8 April 1977, Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas telah menegaskan bahawa masalah utama umat Islam pada hari ini ialah masalah ilmu pengetahuan.

“The crisis of Muslim today is basically the intellectual and spiritual crisis of identity due to their loss of true knowledge (ilm) and of right action.” (Al-Attas, 1979).

Beliau menyarankan agar umat Islam mesti membuat penyelidikan yang mendalam mengenai konsep pendidikan Islam. Bagi beliau, konsep *Islamization* ialah,

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

- 1- Menjelaskan sejarah Islamisasi sejak awal zaman Nabi Adam a.s sehinggalah kini.
- 2- Meluaskan konsep dan istilah Islamisasi Ilmu.
- 3- Memberi penekanan terhadap pelaksanaan segala yang dituntut Islam sama ada menggunakan istilah Islamisasi ataupun sebaliknya.
- 4- Mengkaji keperluan Islamisasi ilmu dalam pengajaran bahasa Arab dan Usul Fekah.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian jenis kualitatif yang melibatkan kajian perpustakaan merangkumi aspek Islamisasi iaitu tentang Islam secara menyeluruh dan meluas. Beberapa buku dan jurnal telah dijadikan rujukan untuk menyokong kajian ini.

4.0 SEJARAH ISLAMISASI

Pada awal penciptaan nabi Adam a.s, telah bermulanya proses islamisasi itu sendiri dan berterusan sehingga kini. Pada ketika itu, Allah telah memilih manusia sebagai khalifah di muka bumi berbanding ciptaan-ciptaanNya yang lain. Allah telah mengangkat darjat manusia sebagai pemimpin di muka bumi sebagaimana firman Allah dalam ayat yang berbunyi,

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ. البقرة: ٣٠

“Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, “Aku hendak menjadikan khalifah di bumi”. Mereka berkata, “Apakah Engkau hendak menjadikan orang yang merosak dan menumpahkan darah di sana, sedangkan kami bertasbih memuji-Mu dan menyucikan nama-Mu” Dia berfirman, “Sungguh, Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.”

Kemudian, dalam ayat seterusnya, Allah telah menerapkan hakikat ilmu kepada Nabi Adam. Firman Allah:

(وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا) البقرة : ٣١

“Dan telah diajarkan Nabi Adam nama-nama kesemuanya.”

Dalam ayat ini Allah telah mengajarkannya bukan sahaja nama-nama malah tentang ilmu dan hikmah menyeluruh tentang sesuatu. Allah mengajarkannya supaya dapat membezakan antara sesuatu yang baik dengan yang buruk. Kemudian, dalam ayat yang berikutnya Allah telah menggariskan batas-batas dan larangan kepada Nabi Adam serta isterinya. Allah telah melarang Nabi Adam daripada makan buah yang diharamkan untuk dimakan.

وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ (البقرة: ٣٥)

“Dan Kami telah berfirman: Wahai Adam! Tinggallah engkau dan isterimu dalam syurga, dan makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai, dan janganlah kamu hampiri pokok ini; (jika kamu menghampirinya) maka akan jadilah kamu dari golongan orang-orang yang zalim.”

Dalam ayat ini Allah telah menurunkan laranganNya dalam unsur perintah yang menegaskan tentang hukum haram mendekati pokok tersebut. Selain itu, Allah telah memberitahu kita bahawasanya telah diberikan kepada kita panduan secara syumul dan menyeluruh untuk kehidupan kita.

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا (المائدة: ٣)

“Pada hari ini Aku telah sempurnakan agamamu untukmu, dan aku telah cukupkan nikmat-Ku bagimu, dan aku redha Islam sebagai agamamu.”

Dalam ayat ini, jelaslah bahawa Allah telah melengkapkan agama Islam itu sendiri dan kita sebagai umat Islam haruslah memastikan bahawa agama Islam mencakupi setiap aspek dalam diri dan hidup masing-masing. Oleh itu, untuk melengkapkan agama, Islam seharusnya meliputi setiap aspek termasuklah dalam bidang pendidikan.

Perjuangan Islamisasi diteruskan oleh sahabat pada zaman Khulafak Ar-Rasyidin. Islam telah berkembang apabila turunnya wahyu dari Allah kepada Rasulullah saw dan diteruskan oleh para sahabat dan disambung oleh para pengikutnya selepas kewafatan Nabi Muhammad saw. Salah satu daripada proses islamisasi yang dilakukan selepas kewafatan Nabi adalah pembukuan Al-Quran. Seterusnya, lahir pula para ilmuan dan cendekiawan Islam yang menggabungkan ilmu sains dan ilmu agama. Mereka mengenyepikan pemikiran-pemikiran Barat yang tidak bertunjangkan agama dan melahirkan pemikiran-pemikiran baru berprinsipkan Islam.

Setelah sekian lama dijajah dan dikuasai oleh Barat, umat Islam telah membuat bantahan secara besar-besaran dalam Persidangan Pendidikan Islam di Mekah pada 31 Mac hingga 8 April tahun 1977 ini merupakan faktor terbesar yang membawa kepada proses islamisasi secara global. Persidangan ini menyarankan agar pendidikan Islam berteraskan tauhid dan akidah Islam.

Konsep Islamisasi

Proses Islamisasi perlulah berkonsepkan tiga faktor penting:

- 1- Pertama: Al-Quran dan As-Sunnah adalah tunggak utama konsep Islamisasi.
- 2- Sarjana utama konsep Islamisasi adalah Rasulullah SAW.
- 3- Konsep Islamisasi haruslah menyeluruh dan kritis. Dalam hal ini, penerapan islamisasi itu haruslah mengambil kira hakikat ilmu, penghayatan ilmu dan kesepaduan ilmu. Selain itu, segala anasir negatif haruslah ditolak dan dijauhkan.

5.0 ISU DALAM KONSEP ISLAMISASI

5.1 Kefahaman terhadap Al-Quran dan As-Sunnah sebagai tunggak utama konsep Islamisasi.

Diskusi intelektual secara akademik telah lama berlaku berkaitan konsep Islamisasi. Walau bagaimanapun, masih terdapat permasalahan dalam konsep islamisasi dalam masyarakat Islam yang membawa kepada kurangnya keharmonian budaya ilmu di kalangan para sarjana. Hal ini demikian kerana perbezaan persepsi antara para cendekiawan akan konsep Islamisasi.

Secara umumnya didapati semua sarjana bersepakat bahawa dalil utama Islamisasi adalah Al-Quran dan Al- Hadis. Namun perbezaan persepsi yang berlaku hanyalah terhadap metodologi persandaran konsep Islamisasi kepada Al-Quran dan Hadis.

Konsep Islamisasi bukan hanya bersandarkan Al-quran dan al-Hadis secara hanya meletakkan dalil kepada perkara yang berkaitan ayat Al-Quran atau Hadis. Contohnya Jika ilmu Sains menerangkan tentang kejadian manusia. Maka konsep Islamisasi bukanlah sekadar meletakkan ayat yang berkaitan kejadian manusia bersebelahan fakta Sains ini.

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلالَةٍ مِنْ طِينٍ. ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَكِينٍ.

(Surah al- Mukminun : 12-13)

“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah. Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh.

Kumpulan sarjana yang lainnya mengatakan bahawa ini adalah salah satu usaha Islamisasi dan perlu dilihatnya sebagai satu pendekatan baru yang perlu diberi sokongan oleh semua pihak. Perbezaan pendapat ini perlulah hanya dibincangkan dalam kalangan para intelek dan bukannya

bersama orang awam atau kumpulan yang belum sampai ke tahap melihat konsep Islamisasi secara terlalu khusus.

Oleh yang demikian konsep Islamisasi perlu diterima sama ada ianya bersifat umum atau khusus. Ini kerana pasak konsep ini adalah dalil utama Syariat Islam Al-Quran dan Al-Hadis.

5.2 Sarjana utama konsep Islamisasi adalah Rasulullah saw.

Islamisasi Ilmu dicetuskan kembali secara komprehensif oleh tokoh-tokoh sarjana Islam seperti Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1931), Fazlur Rahman Malik (1919-1988) dan al-Faruqi (1921-1986). Kelantangan suara-suara mereka adalah reaksi terhadap kemunduran umat Islam pada hari ini yang berpunca daripada kecelaruan dalam sistem pendidikan.

Kajian ini menyokong pernyataan di atas yang tertera dalam kajian Dr Maria Binti Mansur (2012), melalui kertas kerja beliau yang bertajuk: *Islamisasi Ilmu Pengetahuan Antara Harapan Dan Realiti Dalam Konteks Pendidikan Di Malaysia* yang menyatakan bahawa para sarjana yang tertera hanyalah mencetuskan semula konsep Islamisasi tetapi bukannya memulakan konsep ini.

Perkataan memulakan dan mencetuskan semula adalah berbeza. Oleh itu pakar Islamisasi Ilmu sepatutnya tidak terlalu taksib dengan mana-mana sarjana Islamisasi ilmu ini kerana Sarjana Agung Islamisasi ialah Rasulullah S.A.W yang syumul segenap aspek kehidupannya adalah Islam semata-mata. Selain setiap perkataan dan perbuatannya adalah sumber rujukan utama agama Islam. Tambahan pula baginda adalah kekasih Allah makhluk pilihan diturunkan kepadanya Al-Quran mukjizat mulia sepanjang zaman serta sebagai rahmat sekalian alam. Oleh itu keharmonian pelaksanaan Islamisasi akan menjadi lebih relevan dan harmoni jika disandarkan kepada Muhammad Ibnu Abdullah Al Hashimee Al-Quraisy.

5.3 Konsep Islamisasi haruslah menyeluruh dan kritis dengan menzahirkan hakikat ilmu, penghayatan ilmu dan kesepaduan ilmu serta segala anasir negatif haruslah disisihkan.

5.3.1 Hakikat ilmu dan Penghayatan Ilmu

Hakikat ilmu tidak mampu diserap dan difahami hanya melalui pandangan kasar insan. Hakikat ilmu juga agak sukar mencapai kesan yang sepatutnya tanpa tadabbur terhadap dalil syariat Islam

iaitu al-Quran dan al-Hadis. Oleh itu setiap ilmu itu perlulah dizahirkan hakikatnya yang sebenar. Sebagai contoh, dunia telah melahirkan sebilangan pakar ekonomi dan politik. Namun kepakaran yang dimiliki mereka masih belum mampu menyelesaikan masalah ekonomi dan politik dunia. Hal ini berlaku disebabkan faktor lain yang mengganggu ilmu yang sebenar dilaksanakan. Sudah tentu terdapat faktor sikap, etika atau suruhan agama yang sepatutnya tidak dilaksanakan. Kesannya konsep Islamisasi tidak berlaku dengan sebaiknya.

Oleh yang demikian pakar dan intelek usah berdebat mencari siapa yang benar atau siapa yang bersalah tetapi berdiskusi dengan berhemah mencari penyelesaian terhadap ilmu yang tidak dizahirkan kebenarannya secara baik dan demokrasi.

Kesepaduan ilmu adalah salah satu pelaksanaan Islamisasi ilmu. Bukankah Islam itu sendiri adalah kesepaduan antara Al-Quran dan al-Hadis. Sebagai contoh kewajipan solat itu diterangkan secara umum di dalam Al-Quran dan Hadis menerangkan bagaimana pelaksanaan solat. Dalil kewajipan solat dalam Al-Quran ialah seperti ayat:

• الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيَتَّبِعُونَ الصَّلَاةَ ﴿٣﴾ البقرة ﴿٣﴾

Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang. (Al-Baqarah: 3).

Manakala dalil penerangan cara pelaksanaan solat adalah dari Hadis:

قال الرسول صلى الله عليه وسلم: صلوا كما رأيتموني أصلي.

Sabda Rasulullah S.A.W: Bersolat kamu semua sepertimana kamu lihat aku solat. Hadis Al-Bukhari.

5.3.2 Kesepaduan Ilmu

Kesepaduan ilmu itu juga bermaksud ilmu itu dibicarakan secara kritis dan meluas. Contoh dalil kewajipan solat adalah sesuai dimulakan hanya dengan menggunakan satu ayat Al-Quran dan satu hadis. Namun sebagai ahli akademik adalah menjadi kewajibannya membuka minda pelajarinya dengan menzahirkan kekuatan sesuatu ilmu. Oleh itu perlu diketahui bahawa ayat al-Quran yang menerangkan tentang solat bukannya hanya beberapa ayat. Malahan setiap ayat menerangkan maksud yang berbeza agar manusia sedar akan kekuatan satu kewajipan yang disuruh Allah itu adalah perkara yang sangat penting.

Begitu juga bukannya satu hadis sahaja yang menerangkan tentang solat. Terdapat beberapa hadis dan setiap hadis mempunyai fungsi yang berbeza dalam menerangkan tentang solat.

كون القراءة بعد الفاتحة سنة غير فرض ، هو كالمجمع عليه بين أهل العلم ، فعن عطاء قال: قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ: فِي كُلِّ صَلَاةٍ قِرَاءَةٌ، فَمَا أَسْمَعْنَا النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - أَسْمَعْنَاكُمْ، وَمَا أَخْفَى مِنَّا أَحْفَيْنَاهُ مِنْكُمْ، وَمَنْ قَرَأَ بِأَمِّ الْكِتَابِ فَقَدْ أَجْرَأَتْ عَنْهُ، وَمَنْ زَادَ فَهَوَ أَفْضَلُ. متفق عليه واللفظ لمسلم.

Hadis ini menerangkan tentang hukum membaca ayat lazim selepas bacaan al-Fatihah adalah sunat.

Manakala tertera adalah ayat-ayat yang berkaitan solat. Tertera hanya 10 ayat, masih banyak lagi yang tidak disenaraikan. Namun ini adalah kategori kata nama iaitu penggunaan perkataan solat (الصَّلَاة). Perkataan solat yang berbentuk kata kerja masih banyak di dalam Al-Quran yang masih belum disenaraikan di sini. Jadi inilah Islamisasi Ilmu iaitu apabila ilmu itu dibincangkan dengan luas.

<ul style="list-style-type: none"> • يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ ﴿٦ المائدة﴾ • لَيْتِنِ أَقَمْتُمُ الصَّلَاةَ وَآتَيْتُمُ الزَّكَاةَ وَآمَنْتُمْ بِرُسُلِي ﴿١٢ المائدة﴾ • الَّذِينَ يَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ ﴿٥٥ المائدة﴾ • وَإِذَا نَادَيْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ اتَّخَذُوهَا هُزُوعًا وَلَعِبًا ﴿٥٨ المائدة﴾ • وَيُضَدِّمُ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَبِهُونَ ﴿٩١ المائدة﴾ 	<ul style="list-style-type: none"> • الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ ﴿٣ البقرة﴾ • وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣ البقرة﴾ • وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ﴿٨٣ البقرة﴾ • وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ﴿١١٠ البقرة﴾ • وَالسَّائِلِينَ فِي الرِّقَابِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ ﴿١٧٧ البقرة﴾
--	---

5.3.3 Pandangan Kritis sesuatu ilmu

Dewasa kini ramai para intelek menerangkan tentang kebaikan solat untuk kesihatan dan ilmu-ilmu lain. Ini juga Islamisasi ilmu kerana hukum wajib solat itu bukannya sekadar wajib dari segi agama. Namun kehebatan suruhan Allah itu amat luas. Oleh itu setiap ilmu perlu dilihat secara luas dan kritis. Sebagai contoh kewajipan solat itu perlu dizahirkan secara kritis. Solat perlu dizahirkan secara kritis kerana peredaran dunia kini sering meremehkan isu agama dan hal perihal agama. Ilmu sains digarap dicanang dan diunggulkan dengan dapatan yang penuh kreatif dan inovasi. Malangnya solat hanya dipaparkan dengan cara yang asas.

Analisis Pelaksanaan Pendidikan Solat:

Pendidikan secara Asas	Pendidikan secara Kritis
- Solat adalah hanya subjek Fekah	- Solat bukan subjek tetapi kewajipan.
- Solat tidak dikaitan dengan akidah atau sirah atau	- Solat dimasukkan di dalam subjek Fekah hanya

akhlak.	kerana kaitan tajuk itu.
- Solat tidak diajar dengan tajuk lain yang berkaitan seperti tharah dan wudhu.	- Pengajaran solat perlu disepadukan. Orang yang beriman dan betul akidah akan laksanakan solat dengan baik. Jika akidah masih bermasalah, orang akan bertanya soalan yang tidak sepatutnya. Seperti kenapa Allah tidak beritahu rakaat solat dalam Al-Quran? Dan lain-lain soalan yang tidak sepatutnya ditanya.
- Dalil yang sama. Solat itu wajib, dalilnya dalam Al-Quran dan Hadis. Ayatnya pula diulang yang sama selama 30 tahun.	- Dalil yang banyak dan luas serta dibincangkan secara kritis.
- Tiada perbincangan secara kritis	- Perbincangan yang mencakup pelbagai aspek. Seperti solat dan Sains, kebersihan dan solat.
- Solat itu wajib. ..usah ditanya kenapa? - Pengajaran yang tidak menggalakkan percambahan idea. Sebelum bersolat perlu berwudhu. Tiada perbincangan mendalam keperluan berwudhu.	- Ilmu untuk difahami dan dihayati secara perbincangan, bukannya menghafaz fakta. Wudhu akan menghilangkan dosa-dosa kecil yang dilakukan oleh anggota wudhu. Orang yang ingin solat perlu bersih lahir dan batin.
- Belajar solat bukannya untuk menjawab soalan peperiksaan bahawa solat itu wajib dan rukun solat itu 13.	- Solat itu kehidupan. Bukannya tajuk pelajaran dan hanya untuk menjawab soalan peperiksaan.
- Hasilnya pelajar memperoleh A, tetapi tidak solat dan tidak merasa rugi jika tidak solat.	- Hasil ilmu itu mampu menjadikan insan itu mencapai kejayaan hakiki. Bukan sekadar dalam peperiksaan.
- Kekangan yang dibina Barat. Belajar tidak perlu lama. Pelajaran perlu diasing-asingkan. Subjek agama Islam bukannya utama.	- Imam Shafie mengatakan di dalam puisinya: Menuntut ilmu adalah sepanjang masa. Sama ada bentuk rasmi (di sekolah atau kolej) atau tidak (di rumah atau masjid atau majlis ilmu).

Inilah Islamisasi ilmu iaitu memberi hak kepada sesuatu ilmu agar difahami dengan jelas. Tidak dinafikan bahawa terdapat sebahagian sarjana kurang meminati penjelasan kelebihan solat secara saintifik dan kesihatan. Ini kerana para sarjana ini ingin menegaskan bahawa solat kewajipan yang sangat dituntut Allah. Perkara yang sangat dituntut tidak sesuai dipersoalkan atau dibincangkan secara saintifik kerana setiap perkara yang utama dalam Islam itu penuh rahsia dan pastinya yang terbaik untuk manusia.

Namun sebahagian sarjana yang lain melihat perlunya dikaji dan dizahirkan kebaikan Islam dengan pelaksanaan kajian yang terkini dan saintifik berkaitan solat. Ini membawa kepada terhasilnya buku-buku seperti buku *Solat Kebaikan Dari Perspektif Sains* oleh Fatimah Ibrahim, Wan Abu Bakar Wan Abas dan Ng Siew Cheok yang merupakan para pensyarah Universiti

Malaya, Jabatan Kejuruteraan Biomedikal yang menyokong fakta bahawa solat ada nilai terapeutik dan *Buku Sains dan Solat* oleh Hj Abdul Rahman bin Mohd Adil dan Ustaz Mat Esa bin Deraman dan banyak lagi kajian lain seperti *Medical Benefits of Salat* oleh Mohammed Faruque Reza, MBBS; Yuji Urakami, MD; Yukio Mano, MD, PhD dari *Department of Rehabilitation Medicine, Hokkaido University School of medicine, Sapporo, Japan*.

Walaupun para sarjana dan ulama berbeza pandangan, ini adalah menjadi kebiasaan suasana ilmu. Tetapi perlu dilihat dan dibincangkan dengan bijak oleh para pensyarah dengan memberi penjelasan jelas agar pelajar dapat melihat suasana ilmu yang sihat tanpa perasaan taksuf hanya dengan sebahagian sarjana ilmu. Tambahan pula setiap ilmu itu adalah baik dan Islam jika membawa kesan yang baik. Selain itu kajian terkini yang melibatkan masyarakat bukan Islam dapat membantu Islam menyatakan kesahihan dan kebaikan Islam dan ini adalah salah satu cara berdakwah yang amat dituntut Islam.

5.4 Islamisasi Ilmu Dan Proses Menyisihkan Acuan Dan Fakta Barat

Konsep Islamisasi Ilmu memerlukan usaha yang terperinci dan serius dalam menyatakan kecelaruan ilmu masa kini. Terutamanya bahan-bahan rujukan utama subjek-subjek seperti ekonomi dan politik. Kebanyakan buku-buku ini hanya menyatakan keperluan ilmu tersebut sehingga kadang-kadang terkeluar daripada nilai Islam. Terdapat juga keadaan bahawa sebahagian ilmu itu disebut neutral yang tidak memerlukan dalil ayat al-Quran tetapi hanya memerlukan kefahaman yang jelas dari pelajarnya. Contohnya subjek Bahasa Inggeris, adakah subjek Bahasa Inggeris perlu menepati konsep Islam dengan hanya menggunakan teks-teks berkaitan Islam. Teks-teks yang tidak berkaitan Islam adalah tidak sesuai. Jawapannya bukanlah pada jenis teks. Pengajaran Bahasa Inggeris boleh dijalankan sama ada menggunakan teks islami atau tidak. Bahkan semua tajuk tatabahasa Inggeris juga tidak menyalahi Islam. Namun kekurangannya adalah pelajar yang kurang memahami agama akan merasakan subjek ini tidak Islam maka tidak perlu diberi penekanan.

Kesannya umat Islam mundur kerana sering menyisihkan perkara yang tidak sepatutnya. Dengan itu dapat disimpulkan bahawa ilmu itu neutral. Faktor luaran iaitu pensyarah, pelajar dan cara yang menyebabkan sesuatu ilmu itu tidak tampak kelebihan. Sebagai contoh, pelajar yang mengambil jurusan kejuruteraan, walaupun dia mempelajari ilmu kejuruteraan, namun jika dia memahami agama dengan baik serta mempunyai kekuatan berbahasa Inggeris, maka dia akan menjadi insan yang berjaya dalam ilmu kejuruteraan dan mampu berbahasa Inggeris dengan baik. Namun jika buku rujukan ilmu kejuruteraan ditambah di dalamnya ayat al-Quran, maka itu

adalah usaha yang baik. Oleh itu sesuatu perkara itu adalah baik walaupun tanpa ada padanya nama Islam atau tanpa perkataan Islamisasi. Islamisasi hanyalah istilah. Perkataan Islam dipilih Allah untuk kita. Syariah menerima segala yang baik walaupun bukan berkaitan agama. Maka jika ilmu kejuruteraan itu menjadikan seseorang itu bertakwa, maka ilmu itu adalah baik. Oleh itu masalah hari ini bukannya ilmu tetapi bagaimana mengajar ilmu sehingga ilmu itu memberi makna kepada manusia.

Hal yang sama juga jika seseorang itu mempelajari agama, maka agama itu harus menjadikannya insan yang baik, bukannya takbur akan kelebihan yang dimiliki. Segala hanyalah hak Allah. Inilah Islamisasi, sama ada menggunakan istilah ini ataupun tidak.

6.0 PELAKSANAAN: ISLAMISASI ILMU DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB DAN USUL FEKAH

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang penting di Malaysia selepas bahasa Inggeris. Apakah cara yang terbaik pengajaran bahasa Arab dan usul fekah? Para pelajar kadang-kadang tidak nampak keakraban bahasa Arab dan ilmu ini kerana kedua-dua subjek ini sering diajar secara berasingan. Tambahan pula ilmu fekah atau usul fekah di peringkat awal diajar menggunakan bahasa Melayu. Ilmu fekah dan usul fekah adalah dua ilmu yang berbeza tetapi dari satu sumber yang sama. Ilmu usul fekah akan mengkaji secara teliti hukum-hukum yang dinyatakan dalam al-Quran dan al-Hadis. Manakala ilmu fekah pula membantu manusia mengetahui hukum. Sebagai contoh ilmu fekah memberitahu bahawa solat itu wajib, ilmu usul fekah meneliti ayat al-Quran dan al-hadis serta mengeluarkan hukum bahawa ayat sebegini dengan syarat ini membawa hukum ini.

Pengajaran bahasa Arab dan usul fekah adalah di antara ilmu yang sangat berkait rapat. Pengajaran secara kesepaduan akan memberi kesan yang lebih positif. Oleh itu sewajarnya kedua-dua ilmu harus disepadukan bersama agar terhasil satu kesepaduan ilmu yang mana bukan sahaja pelajar dapat menguasai bahasa Arab malah mengetahui hakikat Islam dan semua hukum-hakam dan rahsia yang tersirat dalam bahasa itu sendiri. Inilah hakikat ilmu yang telah diberikan Allah tanpa disedari ramai.

Dengan lahirnya kesepaduan antara ilmu maka lahirnya kefahaman yang tinggi dan mendalam. Ini dapat dilihat dalam kesepaduan ilmu bahasa Arab. Ilmu bahasa Arab mempunyai banyak

cabang. Maka antara cabang dalam ilmu ini, ialah ilmu morfologi dan sintaksis. Iaitu ilmu nahu dan ilmu sorof. Sebagai contoh, tatabahasa bahasa Arab terbahagi kepada dua komponen iaitu nahu atau sintaksis yang merupakan hukum bagi menentukan cara bacaan dan pembinaan ayat. Manakala, satu lagi komponen adalah sorof yang merupakan ilmu membina perkataan dan menukarkan perkataan seperti imbuhan. Setiap pengurangan dan penambahan perkataan akan membawa makna yang berbeza. Dalam hal ini, kebanyakan teknik pengajaran dan pembelajaran tidak memasukkan kedua-dua elemen ini secara bersama agar pelajar tidak keliru. Sewajarnya, ilmu ini digabungkan dalam pengajaran. Namun perlu diteliti caranya agar ilmu itu difahami dengan kritis.

Contoh Pengajaran Secara Bersepadu

Ilmu Nahu/Sintaksis	Ilmu Sorof
Sifah Mausuf	Sifah Mushabbah
Pengajaran secara berasingan pada peringkat awal.	Pengajaran secara berasingan pada peringkat awal.
رأيت رجلا شجاعا Maksud ayat ini ialah: Saya telah melihat seorang lelaki yang berani. شجاعا Dalam ilmu nahu adalah sifah atau naa't	رأيت رجلا شجاعا Maksud ayat ini ialah: Saya telah melihat seorang lelaki yang berani. شجاعا Dalam ilmu sorof adalah sifah musyabahah
Pelajar yang telah memahami tajuk ini dengan baik perlu didedahkan kepadanya tentang tajuk sorof yang berkaitan dengan tajuk ini	Tajuk ini dipelajari dulu dengan baik. Kemudian pensyarah digalakkan menyepadu kedua-dua tajuk ini agar ilmu itu lebih dilihat dengan mendalam.

6.1 Kesepaduan antara Bahasa Arab dan Usul Fekah.

Kebanyakan para pengajar bahasa Arab hanya menekankan ilmu bahasa itu sendiri tanpa menggabungkan elemen agama. Begitu juga dengan kebanyakan tenaga pengajar ilmu agama. Mereka hanya menekankan ilmu agama tanpa mengaitkan ilmu itu dengan bahasa. Seperti mana yang kita ketahui, al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab yang penuh hikmah. Terdapat pelbagai rahsia yang tersembunyi di sebalik ayat-ayat Allah dalam bahasa Arab.

BAHASA ARAB	USUL FEKAH
BAHASA ARAB: FAEL AMAR (Kata Kerja untuk menyuruh)	USUL FEKAH: FAEL AMRR (Kata Kerja Menyuruh membawa hukum wajib)

<p style="text-align: center;">اكتب يا أحمد اكتب الرسالة.</p> <p>Wahai Ahmad, tulislah surat.</p>	<p style="text-align: right;">القعيدة: الأمر على الوجوب</p> <p>Kaedah : Suruhan adalah wajib (secara umum)</p> <p style="text-align: right;">يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ المائدة: ١</p> <p>“Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah janji-janji”.</p> <p>Ayat ini menunjukkan kata kerja perintah Allah atau fael amar yang membawa hukum wajib. Di dalam kebanyakan ayat perintah Allah, perintah itu adalah diwajibkan kepada semua. Dalam ayat ni Allah memberi perintah supaya orang-orang Islam berpegang pada janji-janji dan tidak mengkhianati janji. Wajib bagi umat Islam untuk menepati janji. Barangsiapa yang tidak menepati janji akan tergolong dalam golongan munafik.</p>
<p>BAHASA ARAB: LA NAHI - لا - (Untuk mengatakan jangan)</p> <p style="text-align: center;">لا تذهب</p> <p>Maksudnya: Jangan pergi Dalam Bahasa Arab hanya menerangkan penggunaan jangan. Contoh: يا حسن لا تلعب هنا</p> <p>Wahai Hasan jangan bermain di sini.</p>	<p>USUL FEKAH: LA NAHI - لا - (membawa hukum haram)</p> <p style="text-align: right;">القعيدة: النهي على التحريم</p> <p>Kaedah : Larangan adalah haram (secara umum)</p> <p style="text-align: right;">وَلَا تَقْرَبُوا الزَّوْجَ إِذَا كَانَ فَرْجُهُمْ وَسَاءَ سَبِيلًا * وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ *</p> <p style="text-align: right;">الاسراء : ٣٢ - ٣٣</p> <p>“Dan janganlah kamu mendekati zina. Sungguh zina itu suatu perbuatan yang keji. Dan janganlah kamu membunuh orang yang diharamkan Allah kecuali dengan suatu alasan yang benar”</p> <p>Ayat ini menunjukkan zina dan membunuh tanpa sebab yang benar itu merupakan perbuatan yang haram. Allah menurunkan hukum haram melalui ayatnya yang bersifat larangan.</p>

Maka adalah wajar para pendidik menjelaskan ilmu secara luas dan kritis agar ilmu bukannya untuk dijawab di dalam peperiksaan tetapi menjadi panduan dalam kehidupan. Selain itu akhlak guru juga adalah perkara yang amat penting kerana kesan ilmu itu menjadikan insan itu mulia bukannya riyak atau sombong dengan ilmu yang dimiliki. Maka makin rumit jihad kita. Namun itulah hakikat cabaran menegakkan kebenaran.

7.0 RUMUSAN

- Islamisasi hanya istilah yang lahir demi membantu sistem pendidikan dunia Islam.
- Konsep Islamisasi perlu luas, menyeluruh dan harmoni.
- Sejarah Islamisasi telah terbina sejak zaman nabi Adam, walaupun istilah Islamisasi tidak digunakan pada waktu itu.

- Konsep Islamisasi adalah semua konsep yang membawa Islam sebagai tunggak.
- Bahasa Arab dan Usul Fekah adalah dua bidang ilmu yang amat berkaitan.
- Pelaksanaan pembelajaran secara kesepaduan dua bidang ilmu adalah bentuk Islamisasi. Ianya berlaku sama ada dengan wujudnya istilah islamisasi atau sebaliknya.
- Hakikat setiap ilmu perlu dizahirkan secara kritis.
- Pelaksanaan secara kesepaduan Ilmu dalam Pengajaran Bahasa Arab dan Usul Fekah memberi kekuatan kepada kedua-dua ilmu.
- Ilmu itu neutral dan suci. Kekurangan pada diri ahli akademik menyebabkan ilmu hilang kekuatannya.

RUJUKAN

Ahmad bin M. said (1999), Islamisasi Pendidikan: Peranan Pendidik. *Jurnal Pendidikan Islam*.
Jil 8 Bil 4, Nov-Dis.

Al-Faruqi, Islamil Raji, 1989. *Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan*,
International Institute of Islamic Thought, Herndon : USA.

Hassan Langgulung (2001), Islamisasi Pendidikan dari Perspektif Metodologi. *Jurnal pendidikan Islam*, Jilid 9 Bil 3 Jun.

Mohd Yusuf Ahmad (2002), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. UM KL Press.

Noresah bt Baharom, et. al. (2013), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Edisi Empat.

SM Naquib al-Attas(ed). *Aims and Objectives of Islamic Education*. Jeddah King Abdul Aziz
University, 1979 (158 – 159).

SM Naquib al-Attas (1980), *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur.

index.php/research/read/64/, 17 Ogos 2015, ISLAMISASI-ILMU-PENGETAHUAN-ANTARA-
HARAPAN-DAN-REALITI-DALAM-KONTEKS-PENDIDIKAN-DI-MALAYSIA

<http://www.quranexplorer.com/quran/> view file17 Ogos 2015.

<http://fatwa.islamweb.net/> view file17 Ogos 2015.

<http://www.almaany.com/quran-/> view file17 Ogos 2015.

<http://almansuqie.blogspot.my/2008/10/solat-dari-kajian-sains.html> view file17 Ogos 2015.

http://www.islamicity.com/forum/printer_friendly_posts.asp?TID=14204 view file17 Ogos 2015.

<http://isu-hangat.blogspot.my/2012/02/kelebihan-dan-rahsia-di-sebalik.html#.ViIa8tIrKM9> view
file17 Ogos 2015.